

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	22/9/2019	MUKA SURAT : 34
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

'Gajah datang setiap malam'

**Penduduk
Kampung
Banggol Pong
resah gajahi
rosakkan
tanaman**

WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

KUALA NERANG

Rutin harian penduduk Kampung Banggol Pong, Mukim Pedu dekat sini terganggu apabila seekor gajah merosakkan kawasan kebun pisang seluas kira-kira 6 hektar yang dimiliki 11 pengusaha sejak sebelum lalu.

Pemilik kebun pisang di sekitar Kampung Banggol Pong, Mukim Pedu berharap pihak berkuasa dapat menangkap dan memindahkan gajah tersebut ke tempat lain.

berasa takut untuk keluar menoreh pokok getah dan ke kebun pisang kerana bimbang terserempak dengan haiwan tersebut.

Memutunya, kebimbangan penduduk terus berpanjangan sehingga hari ini apabila haiwan itu dikatakan datang pada setiap malam untuk mencari makanan di kebun-kebum itu yang juga berdekatan dengan penempatan penduduk.

"Pebagai ikhtiar telah dilakukan untuk menghalau gajah itu agar tidak lagi datang ke sini antaranya dengan memasang pelita di luar rumah pada setiap malam termasuk melem- parkan mercun ke arah kebun pisang.

"Kami percaya gajah itu berada di hutan kawasan sekitar dan akan datang ke sini apabila menjelang malam untuk mencari makanan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Azman berkata, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Kedah juga telah datang membuat tinjauan dan mendapatkan maklumat selepas aduan dibuat oleh penduduk kampung.

Katanya, namun pegawai jabatan itu memaklumkan mereka tidak mempunyai peruntukan untuk menangkap dan memindahkan haiwan tersebut ke kawasan lain.

"Saya berharap perkara ini diberikan perhatian serius oleh pihak berwajib. Masalah sudah lama berlaku dan bimbang jika terjadi sebarang kejadian tidak dingini yang boleh membahayakan keselamatan dan nyawa penduduk setempat," katanya.

Sementara itu, seorang pengusaha kebun pisang, Azizan Mat Ali, 33, berkata, penduduk percaya gajah itu bersaiz besar dan dewasa berdasarkan bekas tapak kakinya yang berukuran kira-kira 17 inci (0.43 meter).

"Sebelum ini sudah ada kes pemilik kebun yang diserang gajah sehingga mengakibatkan kematian dan kami berharap perkara ini dapat dicegah sebelum berlaku kejadian tidak dingini," katanya.

Pada 8 September tahun lalu media melaporkan seorang lelaki maut selepas dipercayai dipijak seekor gajah semasa dalam perjalanan pulang bersama abangnya dari dusun yang terletak di pinggir hutan di Kampung Kah Ing dekat Padang Terap.



Pemilik kebun pisang di sekitar Kampung Banggol Pong, Mukim Pedu berharap pihak berkuasa dapat menangkap dan memindahkan gajah tersebut ke tempat lain.